



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-40**

**LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC
27001:2013 TAHUN 2018 (JANUARI - JUN 2018)**

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bagi tempoh Januari hingga Jun 2018.

2. LATARBELAKANG

Objektif Keselamatan Maklumat telah disemak dan dikemaskini mengambilkira aktiviti perluasan skop ISMS yang melibatkan melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah pada tahun 2017 dan aktiviti perluasan skop Penilaian Pengajaran pada tahun 2018.

Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dibawa untuk kelulusan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 38 pada 6 Februari 2018. Perincian mengenai laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2018 adalah seperti pada **Lampiran 1.**

3. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

- i) mengambil maklum laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2018; dan
- ii) mengambil perhatian pencapaian objektif ISMS perlu diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali setahun oleh setiap Peneraju ISMS.

Lampiran 1

LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2018

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	<p>100%</p> <p>(Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB 486)</p>
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	<p>98% (UPM Serdang)</p> <p>75% (UPM Bintulu)</p>	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	<p>Belum dapat diukur (UPM Serdang)</p> <p>*Pengukuran hanya akan berlaku semasa kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2018/2019</p> <p>98% (Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB pada 21 Jun 2018)</p>
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	<p>Belum dapat diukur</p> <p>(Simulasi DRP Sistem SMP akan dilaksanakan pada 27 Julai 2018)</p>

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	<p>100%</p> <p>(berdasarkan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/BR06/ Pemantauan Berkala) semasa hari pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB)) pada 21 Jun 2018))</p>
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	<p>100%</p> <p>(Berdasarkan penilaian pengajaran pelajar Diploma pada 9 Feb – 11 Mac & Bachelor pada 23 April – 1 Jun 2018)</p>
6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	<p>100%</p> <p>(Berdasarkan penilaian pengajaran pelajar Diploma pada 9 Feb – 11 Mac & Bachelor pada 23 April – 1 Jun 2018)</p>